

JAWATAN	EKSEKUTIF KANAN (TETAP) - (GRED B7) JABATAN PENGURUSAN RISIKO, SEKSYEN RISIKO PELABURAN
Kelayakan	<ul style="list-style-type: none"> • Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang berkaitan seperti Pengurusan Perniagaan, Kewangan, Perakaunan Ekonomi dengan kepujian dari institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; • Berkelulusan dalam Pengurusan Risiko atau bidang yang berkaitan / berdaftar sebagai ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) / Institut Juruaudit Dalaman (IIA) atau yang berkaitan adalah satu kelebihan; • Pernah menghadiri kursus-kursus tambahan atau pensijilan dalam Pengurusan Risiko; • Mempunyai sekurang-kurang tiga (3) tahun pengalaman dalam bidang audit / pengurusan risiko; • Berpengetahuan mengenai pengurusan risiko dalam pelbagai bidang seperti risiko pelaburan, risiko kewangan, risiko operasi, risiko strategik, dan risiko pematuhan; • Berpengetahuan mengenai proses kawalan dalaman dan prosedur pengurusan risiko yang berkesan; • Mempunyai kemahiran dalam membuat analisis data, mengidentifikasi punca masalah, mencadangkan penyelesaian untuk memitigasi risiko / mengelakkan kejadianberisiko tinggi semasa menyediakan laporan serta mempunyai pengalaman sebagai ketua kumpulan; • Mampu berkomunikasi dengan baik (Melayu & Inggeris) serta memiliki interpersonal yang cemerlang, pro aktif, berdisiplin, teliti, multi-tasking dan bermotivasi tinggi; • Mampu bekerja dibawah seliaan yang minimum / tekanan (under pressure) dan menyiapkan tugas dalam tempoh masa yang telah ditetapkan / ad-hoc matters; • Mahir menggunakan komputer etc (Microsoft Office, Excel, Microsoft Word & PowerPoint / Canva, WPS Office).
Deskripsi Tugas	<ul style="list-style-type: none"> • Menganalisis dan mengenal pasti pelbagai jenis risiko yang mungkin timbul, sama ada dari faktor dalaman dan luaran; • Menilai impak dan kemungkinan berlakunya risiko tersebut. Ini termasuk melakukan penilaian terhadap potensi kerugian dan penurunan nilai yang boleh berlaku akibat risiko yang dikenalpasti; • Merangka strategi mitigasi untuk mengurangkan atau mengelakkan risiko. Ini termasuk merancang prosedur atau dasar untuk meminimumkan impak risiko yang dikenalpasti; • Melaksanakan dasar pengurusan risiko yang telah disusun dan memastikan semua bahagian organisasi mematuhi prosedur yang ditetapkan. Pemantauan berterusan juga dilakukan ke atas risiko yang

ada;

- Melakukan penilaian semula secara berkala terhadap dasar dan proses pengurusan risiko untuk memastikan langkah-langkah yang diambil kekal relevan dan berkesan, serta dapat mengantisipasi risiko baru yang muncul;
- Bekerjasama dengan Jabatan lain yang berkaitan seperti kewangan, undang-undang, teknologi maklumat dan pelaburan dalam proses mengenal pasti dan menguruskan risiko yang berkaitan;
- Memastikan polisi, prosedur, aturan, pekeliling, memo terkini yang digunakan oleh Koop Sahabat disimpan dan difailkan dengan rapi;
- Menyelia dan memantau kakitangan di bawah seliaan;
- Membantu Jabatan dalam pengurusan mesyuarat jawatankuasa,
- Terlibat dalam program-program diperingkat Koop Sahabat dan melaksanakan tugas ad-hoc yang diarahkan dari semasa ke semasa.